



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMK 221 – FIKSYEN MELAYU MODEN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja

1. Novel sejarah biasanya ditulis berdasarkan peristiwa sejarah yang sudah diketahui umum tetapi difiksikan supaya menjadi novel. Dengan merujuk contoh-contoh novel sejarah dan fiksinya, bincangkan cara-cara pengarang menceritakannya.

(25 markah)

2. Watak Lili dalam novel *Jendela Menghadap Jalan*, karya Rohaini Matdarin, pulang bercuti di kampung Datuk yang mempunyai pelbagai masalah. Bincangkan tiga masalah utama yang berlaku dan cara penyelesaiannya oleh pengarang.

(25 markah)

3. Huraikan perkembangan watak Encik H dalam novel *D.U.B.L.I.N* karya Wan Nor Azriq .

(25 markah)

4. Novel *Penyeberang Sempadan*, karya Anwar Ridhwan mempunyai kaitan dengan ideologi komunisme. Apakah yang anda faham dengan ideologi ini? Bincangkan peristiwa-peristiwa dalam novel tersebut yang membangkitkan idealisme komunisme.

(25 markah)

5. Apakah maksud sudut pandang? Dengan merujuk mana-mana novel yang menjadi teks dalam kursus ini, bincangkan jenis-jenis sudut pandang serta contoh-contoh peristiwa yang bersesuaian.

(25 markah)

6. Pilih **SATU (1)** cerpen di bawah dan bincangkan binaan plot dalam cerpen tersebut:-

- (a) “Kaduk Ayam dan Raja”, karya Zurinah Hassan
- (b) “Merpati Menari Di Padang Embun”, karya Zanazanzaly.
- (c) “Syaaban, Ada Rindu Pak We Dan Mak We”, karya Azman Al-Kurauwi.
- (d) “Munsi”, karya Husna Nazri.

(25 markah)